



**B O A R D O F S T U D I E S**  
NEW SOUTH WALES

**HIGHER SCHOOL CERTIFICATE EXAMINATION**

**2000**

**MALAY**

**FOR BACKGROUND SPEAKERS**

**2/3 UNIT (COMMON)**

**LISTENING SKILLS**

**TRANSCRIPT**

Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO melaporkan, tiap tahun lebih daripada satu juta orang mati di seluruh dunia akibat kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan mereka. Lebih kurang seperempat daripada semua kematian terjadi akibat terdedah kepada bahan berbahaya yang menyebabkan penyakit seperti barah, sakit jantung, radang paru-paru dan gangguan sistem saraf.

ILO memperingatkan, penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan diramalkan bakal bertambah dua kali ganda pada tahun 2020, dan bilangan orang yang meninggal akibat penyakit itu akan naik tajam.

Pegawai penerangan ILO, Michael Jones mengatakan, lebih banyak orang mati akibat penyakit dan kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan daripada kerana kemalangan jalan raya, perang, jenayah atau penyakit AIDS. Kata Michael Jones:

Tiap lapan saat berlaku kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan. Selain itu, ada faktor ekonomi. Ditaksirkan lebih kurang 4 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar di dunia lenyap kerana biaya yang harus dikeluarkan untuk rawatan, kerugian kerana pekerja tidak hadir dan bantuan untuk kecacatan atau bagi keluarga yang ditinggalkan.

Laporan ILO itu menyebut pertanian, pembalakan, perikanan, perlombongan dan pembinaan sebagai sektor kerja yang paling berbahaya.

Taksiran ILO menunjukkan, takat kematian di negara industri maju kurang daripada separuh yang terjadi di Eropah Tengah dan Timur, India dan Cina. Di negara industri yang maju, kecederaan atau luka parah jauh berkurangan berkat keadaan kerja yang baik. Sebaliknya, kata Jones, keadaan kerja di negara-negara sedang berkembang tambah berbahaya. Mengapa demikian, inilah jawapan Jones:

Sebahagian kerana kekuatan globalisasi yang membuat tambah banyak industri masuk ke negara sedang berkembang — negara-negara yang sebelumnya tidak mempunyai industri. Selain itu, adanya orang yang tidak berpengalaman bekerja dalam industri; orang yang biasa hidup dalam masyarakat pertanian, atau pedesaan, tahu-tahu bekerja di kilang, atau sektor industri lain di mana mereka tidak biasa menghadapi bahaya.

Selanjutnya laporan ILO mengemukakan, sekitar 12 juta kanak-kanak mengalami kemalangan dalam pekerjaan dan sekurang-kurangnya 12 ribu daripada mereka meninggal. Akhirnya laporan itu menyatakan, dianggarkan 600 ribu jiwa setahun dapat diselamatkan jika faktor keselamatan dan maklumat di tempat kerja dapat disempurnakan.